



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK HAJI SULAIMAN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

SEMPENA

**KURSUS KEUSAHAWANAN ATAS TALIAN DAN
KURSUS KEUSAHAWANAN DIGITAL**

**PADA 18 DAN 19 FEBRUARI 2021
(KHAMIS DAN JUMAAT)
JAM 9.00 PAGI**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ .

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan
Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit
Dunia.
Kepada yang belum tau, ini slogan baharu Negeri Melaka!

Terima kasih saudara Pengacara Majlis;

**Yang Berusaha, Datuk Dr.Sabri Bin Mohamad Sharif,
Ketua Pegawai Eksekutif Institut Tun Perak (ITP);**

**Yang Berusaha, Encik Muhammad Firdaus Bin
Azharudin,
Ketua Pegawai Eksekutif Institut Keusahawanan
Negara (INSKEN);**

**Yang Berusaha, Encik Song Hock Koon,
Pengarah Bahagian eCommerce,
yang mewakili Puan Surina Shukri,**

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Digital Economic Corporation (MDEC);

Para pegawai dari ITP, INSKEN dan MDEC;

Tenaga-tenaga pengajar yang hebat dari INSKEN dan MDEC,

Seterusnya, para usahawan dan usahawan digital Negeri Melaka, yang saya tidak dapat sebut nama secara satu persatu, tetapi itu tidak hilang hormat saya kepada anda semua, tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

Apa kabau orang Melaka? semua sihat?
Syukur, Alhamdulillah.

Ini semua usahawan dan bakal usahawan Melaka yang berjaya tu ke?
InsyAllah, saya doakan, yang masuk kursus ini, semuanya akan berjaya. Baik sebagai usahawan, usahawan digital, dalam kerjaya mahupun kehidupan. Amin!

Sebelum mula ucapan, bagi menggalakkan lebih ramai pelancong berkunjung ke Melaka selepas PKP ini, saya nak berpantun sikit boleh?

**Bunga Kesidang bertangkai lembut,
Dekat telaga di pohon sagu,
Tamu datang kita menyambut,
Rakyat Melaka ramah menunggu.**

Saudara dan saudari usahawan Melaka sekalian,

1. Alhamdulillah, syukur kita kepada Allah, di atas kurnia dan kasih sayangNya yang berlimpah, maka, dapat kita semua berkumpul dan bersua, walaupun secara maya atau *online*, namun tetap bermakna, di dalam **kursus keusahawanan atas talian dan keusahawanan digital Negeri Melaka.**
2. Tentunya, saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada **Institut Tun Perak atau ITP**, sebuah agensi pemikir Kerajaan Negeri Melaka, **yang diketuai oleh Datuk Dr. Sabri**, kerana dapat menganjurkan kursus ini dengan jayanya.
3. Begitu juga kepada pihak **Institut Keusahawanan Negara atau INSKEN dan juga Malaysia Development Economy Corporation atau MDEC**, yang sudi bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri Melaka, untuk sama-sama menjayakan kursus, yang saya fikir, sangat bermanfaat kepada usahawan serta rakyat Melaka seluruhnya.
4. Justeru saya rakamkan, terima kasih khusus kepada **Encik Muhammad Firdaus, CEO INSKEN, dan Encik Song Hock Koon, yang mewakili CEO MDEC, Puan Surina Shukri** serta pasukannya.
5. Apatah lagi saya dimaklumkan bahawa, sambutannya amat memberangsangkan, melebihi sasaran, di mana **lebih 300 orang usahawan dan bakal usahawan** Negeri Melaka turut menyertai kursus ini.

6. Saya juga diberitahu, dalam kalangan peserta ini, ada yang baru nak mula, ada yang telah menjadi usahawan, ada yang dah usaha jadi usahawan, tapi tak 'jadi-jadi' lagi, dan tidak kurang juga yang sudah menjadi usahawan berjaya, termasuklah yang bergelar Datuk dan Dr pun ada, tetapi masih turut sertai kursus ini, bagi menambahkan ilmu dan kemahiran.
7. Saya hargai usaha saudara dan saudari semua. Pada hemat saya, ini suatu permulaan baik yang harus kita teruskan. Syabas semua!

Saudara dan saudari,

8. Saya perkenalkan diri dulu. Saya **Sulaiman bin Md Ali**. Ramai orang Melaka dah panggil saya **TokLeman**. Dulu, sebelum saya jadi YB dan Ketua Menteri Melaka, saya pernah terlibat dalam dunia keusahawanan dan perniagaan di industri minyak serta gas.
9. Sedikit sebanyak, saya tahu, selok belok perniagaan, yang ada untung rugi, jatuh bangun dan pasang surutnya. Namun saya pesan kepada semua, jangan kita mudah mengalah, teruskan gigih berusaha sampai berjaya, tabah dan banyakkkan bersabar serta berdoa kepada Allah SWT.
10. **Ud-u'-ni Astajib lakum!** Yakni, berdoalah, nescaya lambat laun, yakinlah bahawa, Allah akan kabulkan doa dan perkenankan setiap permintaan kita. InsyaAllah.

Saudara dan saudari,

11. Mungkin ada yang bertanya, setakat ini, apa yang Kerajaan Melaka dah buat untuk membantu usahawan di Negeri ini?
12. Baiklah, bak kata cerdik pandai Barat, **“Rome was not built in a day”**. Walaupun penularan kes pandemik COVID-19 belum reda, sebenarnya sejak tahun lepas, meskipun belum setahun saya memimpin, macam-macam usaha yang kita dah buat dan gerakkan.
13. Cukuplah saya hanya menyebut beberapa inisiatif Kerajaan Melaka, dalam membantu usahawan di negeri bersejarah untuk tahun ini sahaja, tidak termasuk apa yang telah kita bantu pada tahun lalu.
14. Jadi, untuk tahun ini, melalui sebahagian daripada **lebih 80 inisiatif Belanjawan 2021 Negeri Melaka** untuk kebaikan rakyat, khususnya dalam **40 touch points** utama belanjawan tersebut, yang memberi manfaat langsung kepada usahawan Melaka antaranya:
15. **Pertama;** jika Wilayah Persekutuan telah isytiharkan 6 bulan, maka saya telah umumkan inisiatif untuk membantu peniaga-peniaga Melaka pada tahun ini, **‘Melaka Bebas Berniaga’ selama 1 tahun**, dengan syarat patuh segala SOP ditetapkan dan mempunyai lesen perniagaan, yang kita permudahkan permohonannya.
16. Dengan pengumuman itu, tidak keterlaluan saya boleh katakan, kita antara negeri pertama yang membenarkan ‘bebas berniaga’ hingga 1 tahun.

17. Sebab itu sekarang, kalau lalu sekitar Melaka, kita nampak ramai peniaga-peniaga kecil, yang dah mula jual takoyaki, ayam gunting, roti kukus, ayam kepek madu, kuih keria dan macam-macam lagilah.
18. Dengau menu makanan nie, memang buatkan kita rasa lapau sikitlah. (Senyum)
19. **Kedua;** Kerajaan Melaka ada menyediakan **Dana Bantuan Kasih Niaga** kepada semua usahawan Melaka **berjumlah 1 juta ringgit**. Sesiapa yang berminat boleh memohonnya segera.
20. **Ketiga; mengurangkan 50 peratus bayaran lesen penjaja dan peniaga kecil, seramai 10,715 orang,** berjumlah 590 ribu bermula dari Januari 2021.
21. **Keempat;** Bagi insentif membangunkan ekonomi rakyat terutama untuk usahawan tani, kita memberi **insentif bayaran premium bagi tanah tempoh pajakan, berstatus pertanian secara ansuran selama 18 bulan, bagi keluasan tanah 5 ekar ke bawah.**
22. **Kelima;** kita juga melalui MAIM memperuntukkan 700 ribu ringgit, bagi bantuan perniagaan kepada golongan asnaf dan 200 ribu ringgit untuk program keusahawanan kepada kelompok asnaf.
23. **Keenam;** menyediakan **skim pinjaman mikrocredit usahawan graduan anak Melaka atau Gradpreneurs@Melaka** dengan pinjaman sekitar 1 hingga 5 ribu ringgit.

Saudara dan saudari,

24. Sebenarnya, ini banyak lagi inisiatif membantu usahawan Melaka yang kita nak sebutkan, namun cukuplah sekadar itu dahulu.
25. Di perspektif lain, kita juga telah ada halatuju Melaka Rumahku yang terkandung di dalamnya visi, misi, enabler atau pemboleh daya dan akar tunjang yang melingkarinya.
26. **Visi Melaka untuk ‘menjadi negeri lestasi’, misinya berasaskan akronim T.E.R.A.S. atau TERAS yakni Teknologi, *Entrepreneurship*, Revolusi Industri dan Ekonomi, Antarabangsa dan Sejahtera, ada 6 pembolehdaya** antaranya berfokus kepada **keterangkuman ekonomi dan kecanggihan teknologi hijau, pintar dan pendigitalan serta keberdayaan modal insan**, yang kesemuanya dilingkari dengan **kecemerlangan duniawi dan ukhrawi**.
27. Lanjutan itu, tahun ini juga, Kerajaan Melaka akan melancarkan **Pelan Tindakan Strategik Melaka Rumahku atau PTSMR sehingga tahun 2035**.
28. **Yang di dalam terkandung 8 *Big Wins* atau kita panggil juga sebagai, 8 *Flagship* bagi Negeri Melaka iaitu;**
29. **Flagship 1: Zon Pembangunan Ekonomi (M-WEZ)
Flagship 2: Pengurusan Air Melaka
Flagship 3: Ayer Keroh *Green City-Transit Oriented Development*
Flagship 4: Digital Melaka
Flagship 5: Melaka Negeri Usahawan**

Flagship 6: Melaka Negeri Pelancongan

Flagship 7: Melaka Hub Pendidikan

Flagship 8: Melaka Sejahtera

30. Daripada 8 flagship ini, **kita akan cuba menghasilkan *Quick Wins* dan *Symbolic Actions* serta KPI untuk mencapai segala yang telah dirancang itu.**
31. Sebagai contoh, bagi mengembalikan kegemilangan Melaka yang sejarah dahulunya pernah digelar "***Venice of the East***", maka Kerajaan Melaka akan **mewujudkan satu koridor ekonomi baharu, pelaburan berimpak tinggi,...**
32. Setanding dengan koridor lain seperti **NCER, IRDA, ECER, SCORE dan *Malaysia Vision Valley***, bakal **menjadi *game changer***, dinamakan, **MELAKA WATERFRONT ECONOMIC ZONE ATAU M-WEZ.**
33. Koridor M-WEZ, yang kita akan lancarkan pada suku pertama tahun ini juga, dijangka menjana pelaburan **100 bilion ringgit**, melalui inisiatif swasta dan awam, meliputi **kawasan tambakan pesisir pantai seluas 17,500 ekar, di sepanjang 22 kilometer, dari Umbai ke Tanjung Bruas.**
34. Di dalam M-WEZ akan ada Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi, Pelabuhan Tanjung Bruas dan *International Cruise*, yang mewujudkan lebih 10 ribu peluang pekerjaan dan peluang perniagaan yang banyak disediakan oleh Kerajaan Melaka, untuk direbut oleh para usahawan Negeri Melaka.

Saudara dan saudari,

35. Sebagai tanda prihatin, terutama kepada sebahagian rakyat Melaka yang terkesan akibat wabak COVID-19, **saya dan semua barisan Exco Kerajaan Negeri telah sepakat memotong gaji bulanan kami sebanyak 10 peratus, selama 1 tahun sepanjang 2021** ini.
36. Kesemua potongan wang ini, kami masukkan ke Tabung Bencana Negeri Melaka.
37. Apapun, saya ucapkan syabas kepada Institut Tun Perak, INSKEN dan MDEC kerana telah berjaya menganjurkan kursus seperti ini.
38. Saya berharap akan lebih banyak lagi kursus dan program akan diadakan untuk membantu rakyat Melaka, khususnya bagi mereka yang berminat menceburi dunia perniagaan dan keusahawanan.
39. InsyaAllah, kita akan berjumpa lagi, mungkin secara fizikal pula, apabila SOP mengizinkan. Tahniah kepada semua usahawan, semoga akan berjaya dan terus berjaya!
40. Akhirul kalam, dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya sukacitanya, **merasmikan Kursus Keusahawanan Atas Talian dan Kursus Keusahawanan Digital Peringkat Negeri Melaka 2021.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.